

Istana Negara rakam sejarah terakhir

Kompleks di Jalan Duta singgahsana baru pemerintah tertinggi negara

B.H. m/s 11 25.4.07

Oleh Khairul Anuar Muhd Noh

PERTABALAN Yang di-Pertuan Agong ke-13, Tuanku Mizan Zainal Abidin esok dijangka istiadat pertabalan terakhir di Istana Negara sebelum berpindah ke kompleks baru Jalan Duta di ibu negara yang dijangka siap pada 2009.

Istana Negara terletak di lereng bukit Jalan Istana berhadapan Jalan Syed Putra dan Sungai Klang itu adalah tempat bersemayam rasmi Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong sejak negara mencapai kemerdekaan.

Istana yang pada mulanya sebuah banglo milik jutawan dari China, Chan Wing, dibina pada 1928 dengan kos RM150,000 di kawasan seluas 11.34 hektar, mempunyai sejarah tersendiri.

Pada zaman pemerintahan Jepun pada 1940-an, banglo itu dijadikan pusat pemerintahan tentera dan sebagai mes pegawainya. Selepas tentera Jepun berundur dari Malaya, bangunan itu dijadikan tempat bersemayam Sultan Selangor, Sultan Sir Hisamuddin Alam Shah yang kembali bertakhta apabila pendudukan Jepun berakhir.

Bangunan indah itu kemudian dibeli Kerajaan Persekutuan pada 1957 dengan kos RM1.4 juta dan diubah suai dengan kos RM328,000 bagi memastikan ia sesuai sebagai tempat bersemayam raja memerintah sebuah negara yang baru merdeka.

Yang di-Pertuan Agong pertama, Tuanku Abdul Rahman Tuanku Muhammad yang pertama bersemayam di Istana Negara, ba-

INFO

Istana Negara

- Bangunan istana asalnya banglo milik jutawan dari China dibina pada 1928 yang kemudian dibeli Kerajaan Persekutuan pada 1957.
- Yang di-Pertuan Agong pertama, Tuanku Abdul Rahman Tuanku Muhammad yang pertama bersemayam di Istana Negara.
- Pada 1980, Istana Negara diubah suai secara besar-besaran.
- Pertabalan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah Sultan Abu Bakar sebagai Yang di-Pertuan Agong Ketujuh pada 1980 adalah pertabalan pertama diadakan di Balai Rong Seri Istana Negara.
- Pengawal berkuda disediakan untuk mengawal pintu masuk sejak 2001.

Istana Negara untuk majlis pertabalan Yang di-Pertuan Agong kerana sebelum itu acara pertabalan diadakan di Dewan Tunku Abdul Rahman di Jalan Ampang. Singgahsana baru dibina di bawah perancangan arkitek kanan Jabatan Kerja Raya, Kapten David Wee, yang menggabungkan lambang kebesaran raja-raja di negara ini.

Pertabalan Sultan Pahang, Sultan Ahmad

Shah Sultan Abu Bakar sebagai Yang di-Pertuan Agong Ketujuh pada 1980 adalah pertabalan pertama diadakan di Balai Rong Seri yang baru siap ini.

Selain untuk upacara pertabalan, Balai Rong Seri juga digunakan bagi jamuan negara, majlis keputeraan dan penganugerahan pingat, tempat bersembayang tarawih dan syarahan agama.

Istana Negara juga mempunyai satu lagi singgahsana kecil di tingkat atas bagi Yang di-Pertuan Agong menerima dan menyerah watakah pelantikan duta dan pesuruhjaya tinggi asing di negara ini.

Di Bilik Duta di tingkat bawah adalah tempat Seri Paduka beramah mesra dengan duta dan pesuruhjaya tinggi yang baru dan ia juga digunakan bagi Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri menghadap Seri Paduka setiap pagi Rabu sebelum mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet. Istana Negara juga mempunyai Dewan Kecil tempat bersemayam Yang di-Pertuan Agong dengan raja lain, sementara Bilik Permaisuri pula tempat kerabat Diraja menghadap Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong dan bagi acara tidak rasmi.

Di sebelah Balai Rong Seri ialah Bilik Mesyuarat Raja-Raja, tempat berlangsungnya mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu setiap tahun, sementara Bilik Menteri pula tempat menunggu sebelum dipanggil menghadap. Selain bilik khas itu, dewan badminton di pekarangan istana juga digunakan untuk majlis membabitkan orang

ramai seperti majlis penyampaian hadiah pada fakir miskin yang diadakan setiap Ramadan. Tempat rekreasi lain disediakan dalam pekarangan istana ialah gelanggang tenis, gimnasium dan kolam renang.

Istana Negara juga mempunyai balai polisnya sendiri selain pengawal istana terdiri daripada anggota Batalion Pertama Askar Melayu Diraja dan sejak 2001, pengawal berkuda disediakan untuk mengawal pintu masuk dari jam 8 pagi hingga 5 petang yang turut menjadi tarikan pelancong.

Sementara itu, istiadat pertabalan adalah satu upacara istimewa kerana pada hari itulah rakyat dapat menyaksikan pelbagai alat kebesaran Seri Paduka. Satu daripada alat itu ialah singgahsana yang menjadi lambang kebesaran takhta kerajaan sesebuah negara dengan Raja yang memerintah akan bersemayam dengan penuh istiadat.

Singgahsana di Balai Rong Seri dibina sebagai sebuah struktur mempunyai nilai seni yang bermutu tinggi, bersesuaian untuk kegunaan rasmi Yang di-Pertuan Agong dalam melaksanakan tugas negara.


Singgahsana itu diukir dengan motif menggabungkan ciri awan larat dari Semenanjung serta Sabah dan Sarawak bagi melahirkan satu identiti kebangsaan unggul. Warna emas digunakan pada motif ukiran bertujuan menambahkan seri serta keagungannya. Keseluruhan reka bentuk menurus ke atas bagi memberi makna segala makhluk diciptakan Tuhan mesti mengingati pencipta alam iaitu Allah. - Bernama

ngunan putih ditandai dua kubah kuning diraja itu, beberapa minggu sebelum pengisytiharan kemerdekaan.

Seni bina istana ini diubah suai E K Dinsdale, arkitek Jabatan Kerja Raya, sementara kerja pengubahsuaian oleh kontraktor tempatan hanya mengambil masa empat bulan meliputi keseluruhan bangunan tanpa menyentuh struktur utamanya. Hasil pengubahsuaian bangunan yang mempunyai 13 bilik, kini mempunyai 20 bilik, dapur besar memuatkan 100 orang, dewan menghadap, empat bilik tetamu, dua dewan masuk dan sebuah dewan santapan.

Pembinaan Balai Rong Seri sementara untuk digunakan pada hari pertabalan Yang di-Pertuan Agong menelan belanja RM170,000, tetapi pada akhir 1957, premis itu dirobohkan dan diganti dewan persidangan lebih besar. Pada 1980, Istana Negara diubah suai lagi secara besar-besaran bagi mengangkat martabatnya sebagai kediaman rasmi pemerintah tertinggi negara dengan penambahan Balai Rong Seri Utama yang menempatkan singgahsana.

Ia singgahsana pertama dibina dalam



PERSEDIAAN RAPI: Raptai penuh di Balairong Seri Istana Negara bagi istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong yang ke-13, esok.